

Tekanan kerja melampau punca golongan profesional terjebak dadah

Oleh SITI ATHIRAH DZULKIFLY
athirah.dzulkifly@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Tekanan kerja melampau merupakan antara faktor dan pendorong utama golongan berpendidikan tinggi dan profesional terjebak dalam pengambilan dadah sintetik.

Malah, ia juga digunakan sebagai jalan pintas untuk tujuan kerja terutama dari aspek membina keyakinan diri ketika membuat pembentangan dan memberikan konsentrasi dalam urusan kerja.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penolong Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kaunselor Berdaftar Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Prof Madya Dr. Zaizul Abd Rahman berkata, penggunaan dadah sintetik juga kerap berlaku dalam kalangan golongan berkenaan dengan alasan mahu menyelesaikan tugas berskala tinggi.

"Ia banyak digunakan sebagai jalan pintas untuk bekerja terutama yang memerlukan daya analisis yang tinggi dan tenaga yang padu bagi menyelesaikan tugas yang berskala tinggi.

"Selain itu, syif kerja yang panjang sehingga 48 jam tanpa rehat juga menyebabkan ada segelintir doktor perubatan yang nekad mencuba dadah jenis syabu sebagai 'booster' (penggalak) bekerja untuk jangka waktu panjang bagi memperikannya tenaga dan meng-

hilangkan penat.

"Ini kerana beban kerja yang amat rigid di hospital kerajaan kini. Begitu juga pada tahun 2021 sebanyak 346 pegawai dan anggota polis antara 804 penjawat awam ditahan kerana kesalahan berkaitan dadah yang disebabkan masalah tekanan kerja," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Semalam, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaporkan, seramai 584 penagih dadah sintetik dikesan dan antara kalangan mereka merupakan golongan profesional dengan latar pendidikan tinggi Ijazah Sarjana Muda sehingga Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Menurut kenyataan AADK lagi, trend penagihan dadah jenis sintetik atau Amphetamine Type Stimulants (ATS) itu dilihat amat membimbangkan apabila jumlah golongan profesional berkenaan meningkat 29.8 peratus berbanding pada tahun sebelumnya.

Selain itu, menurut Dr. Zaizul, antara faktor lain menyebabkan golongan profesional beralih kepada dadah sintetik kerana harganya murah dan mudah didapati dalam bentuk pil, serbuk dan cecair.

"Hal ini kerana, pertamanya, susah mendapat bekalan dadah tradisional disebabkan pihak Polis bertindak agresif menyekat penawaran, membendung penyeludupan dan merampas bekalan dadah dan dadah sintetik lebih mudah diperolehi dan

murah.

"Selain itu, saya tidak menolak meskipun terpelajar tetapi mereka ini kurang kesedaran dari aspek keagamaan kerana mengambil jalan pintas dan segera dalam menyelesaikan permasalahannya.

"Sebagaimana yang disebut dalam surah al-Nisa ayat ke-29, secara tersiratnya Allah SWT menegah hamba-hambanya untuk sengaja mencampakkannya diri ke dalam bahaya kebinasaan,"katanya.

Perkara yang sama turut

disokong oleh Pensyarah Kanan Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia dan Ketua Koordinator Pusat Penyelidikan dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA), Prof. Madya Dr. Amin Al Haadi Shafie.



(Fasa 2)
Rumah Teres Dua Tingkat

Jenis 22' x 65' / 70'



HAKMILIK KEKAL

- Keluasan Tanah
1,540 kps - 2,571 kps
- Keluasan Binaan
1,749 kps - 1,864 kps
- 4 bilik tidur
- 4 bilik air



Lokasi

Harga min. RM 440,554.80
max. RM 630,859.80

Harga Selepas diskaun 15% untuk bumiputera

Baki Unit Bumiputera : 2 UNITS



speed consortium
SOLUTION PROVIDER

4, Jalan Kempas, 1st, 40150, 20250 Johor Bahru, Johor, Malaysia

+607 331 7372

E speedconsb@gmail.com

No Lesen Pemaju : 19669705-2025/0304 (R) | Tempoh sah Lesen : 03/04/2022-03/03/2025 | No. Permit Iktan & Jualan : 19669
 No. Lesen Pemaju : 19669705-2025/0304 (R) | Pasangan Tanah : Hakmilik kekal | Bebanan Tanah : Tiada | No. Bilangan Fals : MDP 10/0011/15
 Pihak Berkuasa yang Meluluskan Bangunan : Majlis Perbandaran Pontian | Jumlah Unit : 12 | Tarikh Ditajuk : Jun 21 |
 Harga Min. : RM 440,554.80 | Harga Max. : RM 630,859.80 | 15% diskaun untuk Bumiputera

Untuk tempahan bagi pembeli Bumiputera, sila rujuk www.erumah.johor.gov.my
IKLAN INI TELAH DILULUS OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

UNIT INTEGRITI, JABATAN PENYIARAN MALAYSIA